

Frequently Asked Questions (FAQ)

| Bil. | Soalan | Jawapan |
|------|---|--|
| 1. | Apakah syarat/garis panduan untuk menghasilkan video? | <ol style="list-style-type: none">a. Sertakan username yang digunapakai di media sosial.b. Penggunaan kata ganti nama diri “saya”.c. Rakam video di tempat yang mempunyai penataan cahaya yang cerah/terang.d. Video berformat landskap.e. Tempat rakaman yang lapang dan bebas gangguan objek.f. Latar belakang yang kemas dan bersih. Penggunaan <i>green screen</i> amat digalakkan (sekiranya ada)g. Kamera mestilah berada di paras mata (<i>eye level</i>). Memastikan kamera tidak terdongak atau tertunduk menghadap muka.h. <i>Framing</i> video dari paras kepala hingga ke pusat.i. Kamera dalam keadaan stabil, statik dan tidak senget.j. Kedudukan speaker mestilah di tengah-tengah <i>frame</i>.k. Kedudukan individu dalam keadaan statik (tiada pergerakan agresif).l. Rakaman suara yang jelas dan tidak bergema (gunakan mic earphone).m. Suasana sekeliling yang tidak bising. Memastikan saluran angin ditutup seperti kipas, <i>aircond</i> atau tingkap.n. Durasi video yang dirakam mestilah diantara 5-7 minit tanpa sebarang edit.o. Tidak membuat rakaman di dalam kenderaan.p. Footage mestilah tidak mempunyai elemen yang mempromosikan barang atau jenama tertentu.q. Footage mestilah tidak mempunyai unsur-unsur perkauman, politik, seksual, sensitif, keganasan, kritikan, perkataan kesat dan pengaruh yang tidak baik. |

| | | |
|-----|--|--|
| | | r. Sekiranya posting bergambar atau video yang diambil dari sumber lain, maka hendaklah individu tersebut mendapatkan kebenaran “copyright”. Posting hendaklah dikreditkan kepada pemilik gambar, video, resepi atau teknik. |
| 2. | Bagaimana cara untuk menghantar video? | Hantar video dengan melayari laman sesawang bit.ly/ceriteramelaka dan sertakan pautan (link) video yang dihantar sebagai rujukan. |
| 3. | Perlukah video tersebut diedit terlebih dahulu? | Tidak perlu, pihak kami akan edit/menyunting dan betulkan video yang dihantar mengikut kesesuaian video yang diperlukan. |
| 4. | Perlukah saya menyediakan klip dan bahan tambahan bagi video tersebut? | Boleh disertakan sekiranya ada bagi memudahkan proses editing. |
| 5. | Berapa lamakah video akan dimuktamadkan? | Bergantung pada proses suntingan video. |
| 6. | Bolehkah saya menghantar bahan tambahan semasa video saya disunting? | Ya. Bahan perlu dihantar dua (2) hari selepas tarikh anda menghantar video melalui email. |
| 7. | Bagaimanakah saya ingin mengetahui sekiranya video saya telah diterbitkan? | Mesej atau email akan dihantar pada individu mengikut maklumat diri yang diberikan. |
| 8. | Adakah terdapat limit untuk saya menghantar video? | Tiada limit bilangan video. Kami menasihatkan agar saiz video dihantar tidak lebih daripada 1GB. |
| 9. | Dimanakah platform video akan diterbitkan? | Video akan diterbitkan melalui laman sosial, youtube dan laman web Ceritera Melaka. |
| 10. | Bolehkah saya pratonton, edit atau memadam video yang telah diterbitkan? | Tidak. |
| 11. | Bolehkah saya melihat hasil video sebelum ianya diterbitkan? | Ya. |
| 12. | Berapakah jumlah pencerita yang dibenarkan di dalam satu-satu video? | Seorang atau dua orang sahaja. Ia bagi mengelakkan gangguan fokus terhadap kandungan yang disampaikan. |

| | | |
|-----|--|--|
| 13. | Adakah saya dibenarkan untuk membuat video selain daripada skop yang telah disenaraikan? | Ya. Selagi tidak melanggar tatacara penghasilan video dan mestilah berkaitan dengan Negeri Melaka. |
| 14. | Bagaimanakah cara untuk mengetahui sekiranya video saya diterima atau tidak? | Kami akan menghantar email pemberitahuan setelah video dinilai dan mendapat persetujuan ahli mesyuarat. |
| 15. | Siapakah kumpulan sasaran yang akan melihat video ini? | Video ini akan menjadi tontonan semua lapisan masyarakat dari pelbagai peringkat umur. |
| 16. | Adakah saya akan menerima bayaran melalui penghasilan video ini? | Tidak. Ini kerana penghasilan video ini berkonsepkan sumbangan dan dihasilkan secara sukarela oleh individu. |
| 17. | Bagaimana prosedur jika ingin mengiklankan produk/servis di platform Ceritera Melaka? | Sila hantarkan email kepada resilient.melaka@gmail.com dengan tajuk "Servis & Promosi" beserta lampiran. |
| 18. | Adakah video saya perlu diterjemahkan terlebih dahulu? | Ya. Sekiranya bahasa penyampaian yang digunakan adalah Bahasa Inggeris, maka terjemahan dalam Bahasa Malaysia perlu dilampirkan dan sekiranya bahasa penyampaian yang digunakan adalah Bahasa Malaysia, maka terjemahan dalam Bahasa Inggeris perlu dilampirkan. |
| 19. | Bagaimanakah format terjemahan? | Terjemahan mestilah disertakan dalam format <i>words</i> . |
| 20. | Siapakah yang mempunyai pemilikan penuh terhadap bahan-bahan yang dihantar? | Segala bahan yang dihantar kepada pihak Majlis sama ada sebelum dan selepas suntingan, ianya menjadi hak milik penuh Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB). |
| 21. | Apakah syarat pemakaian? | Pakaian mestilah sopan, tidak mencolok mata dan tidak mempunyai sebarang gambar atau perkataan yang sensitif. |
| 22. | Adakah anda bersetuju dengan syarat-syarat tatacara penghasilan video yang ditetapkan? | YA/TIDAK |